

# PENGAJARAN DARIPADA **AL-RAHMAN**



USTAZ MUSTAZAH BAHARI

## **Pengenalan**

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Yang mencipta alam dengan sifat-sifat-Nya yang sempurna.

Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w yang membawa Rahmah ke seluruh alam.

Syukur kepada Allah s.w.t yang memberi nikmat peluang untuk memberi sokongan dan khidmat kepada Darul Tafsir, Masjid Alkhair bagi menjayakan projek penghasilan bahan-bahan tafsir dan tadabbur al-Quran.

Seterusnya ucapan terima kasih kepada kepimpinan Masjid Alkhair yang memberi peluang dan kepercayaan kepada penulis untuk berkongsi sedikit ilmu yang dikurniakan Allah bagi menjayakan projek ini.

Usaha kerdil ini bertujuan untuk mengajak kaum muslimin dan muslimat kepada tadabbur ayat-ayat al-Quran yang diturunkan khas untuk umat Muhammad s.a.w.

Ia berpenampilan ringkas untuk mudah memahami intipati yang ingin disampaikan kepada kita. Ia ibarat jambatan untuk meneroka tafsiran lanjut yang boleh didapati dari kitab-kitab tafsir yang ulung. Para pembaca yang ingin mengetahui lebih lanjut akan perincian ayat-ayat yang dibaca, boleh merujuk kepada pelbagai kitab tafsir yang sedia ada.

## **Metodologi**

Bagi memastikan usaha ini berpandukan tafsiran yang betul, penulis telah mengambil beberapa rujukan asas dari kitab-kitab tafsir yang berwibawa seperti, Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Qurtubi, Aysar al-Tafasir dan yang lain-lain.

Dari sudut terjemahan pula, penulis merujuk kepada beberapa terjemahan secara fizikal dan online. Selanjutnya penulis melakukan olahan yang sesuai untuk memberikan maksud yang lebih mudah difahami menurut konteks bahasa Melayu.

Penulis tidak menghuraikan lebih lanjut ayat-ayat yang jelas dan *straightforward*. Memadai dengan membaca terjemahan untuk memahami maksud ayat.

Usaha ini pasti tidak sempurna. Pasti ada banyak lagi panduan yang boleh dikongsi. Hanya yang diharapkan agar ia dapat menarik perhatian para pembaca untuk mengetahui lebih lanjut apakah lagi ilmu-ilmu yang terkandung dalam tafsiran ayat-ayat al-Quran yang boleh dijadikan pedoman untuk diamalkan.

Akhir kalam, segala yang baik datang dari Allah, yang lemah dan serba kekurangan datang dari insan yang kerdil lagi hina ini. Semoga apa yang diusahakan mendapat Rahmat dan Redha Allah s.w.t.

Mustazah Bahari

Rabiulawal 1445.

# Surah al-Rahman

## Pengenalan

Surah Makkiyah, mengandungi 78 ayat.

Menurut ahli tafsir, surah ini diturunkan bagi menjawab pengingkaran kaum musyrikin tentang sifat Allah yang Maha Pengasih. Ia juga menafikan tuduhan mereka yang mengatakan bahawa apa yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w sebenarnya diajar oleh manusia, bukan Tuhan yang Maha Esa.

## Surah ini mengandungi 4 poin penting:

1. Tuhan yang mencipta dan mentadbir segalanya serta memberi rezeki adalah Tuhan yang Maha Pengasih.
2. Al-Quran diturunkan kepada manusia sebagai Rahmat dari Tuhan yang Maha Pengasih.
3. Rahmat dan kasih sayang Allah yang begitu luas kepada hamba-hamba-Nya tidak mungkin dapat didustakan.
4. Dengan Rahmat Allah, ditunjukkan kepada manusia jalan yang selamat untuk diikuti, dan ancaman azab untuk dihindari.

## Kelebihan Surah al-Rahman

1. Dari Ali bin Abi Talib r.a, sabda Nabi s.a.w, "Setiap perkara ada padanya pasangan/pengantin, dan pengantin al-Quran adalah surah al-Rahman." (H.R. al-Baihaqi)
2. Dari Jabir r.a, telah datang Qais bin 'Ashim al-Munqiri kepada Nabi s.a.w lalu berkata, "Bacakan kepadaku apa yang telah diturunkan kepadamu." Maka Nabi s.a.w membaca surah al-Rahman. Dia meminta untuk diulangi lagi dan Nabi s.a.w mengulangi bacaannya sebanyak tiga kali. Lalu dia berkata, "Sungguh padanya (surah al-Rahman) ada kemanisan." (H.R. al-Turmuzi)

## **Firman Allah:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الرَّحْمَنُ (١) عَلَّمَ الْقُرْآنَ (٢) خَلَقَ الْإِنْسَانَ (٣) عَلَّمَهُ الْبَيَانَ (٤) الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ بِحُسْبَانٍ (٥) وَالنَّجْمُ  
وَالشَّجَرُ يَسْجُدَانِ (٦) وَالسَّمَاءَ رَفَعَهَا وَوَضَعَ الْمِيزَانَ (٧) أَلَّا تَطْغَوْا فِي الْمِيزَانِ (٨)

1. (Allah) yang Maha Pengasih. 2. Yang telah mengajarkan Al-Quran. 3. Dia menciptakan manusia. 4. (lalu) mengajarnya pandai berbicara. 5. Matahari dan bulan (beredar) menurut (ketetapan) perhitungannya. 6. Dan tumbuhan serta pepohonan, keduanya tunduk (kepada-Nya). 7. Dan langit telah ditinggikan-Nya dan Dia letakkan keseimbangan (keadilan). 8. Agar kamu jangan merosakkan keseimbangan itu.

## **Tadabbur Ayat**

Segala ciptaan dan pentadbiran Allah yang sempurna berlangsung dengan sifat al-Rahman. Al-Quran diturunkan juga kerana sifat Rahmah Allah kepada manusia. Segala yang ditetapkan menurut kehendak dan kebijaksanaan-Nya adalah Rahmah buat sekalian makhluk-Nya. Manusia yang ingin kekal hidup dalam kesejahteraan di dunia ini hingga ke akhirat hendaklah menurut ketetapan Allah dengan melakukan keadilan dan bersifat berimbang dalam semua keadaan.

## **Aplikasi Ayat**

❖ **Laksanakan keadilan dan keseimbangan dalam setiap urusan hidup kita kerana ia mendatangkan Rahmat Allah s.w.t.**

### **Firman Allah:**

وَأَقِيمُوا الْوَزْنَ بِالْقِسْطِ وَلَا تُخْسِرُوا الْمِيزَانَ (٩) وَالْأَرْضَ وَضَعَهَا لِلْأَنْثَامِ (١٠) فِيهَا فَاكِهَةٌ وَالنَّخْلُ ذَاتُ  
الْأَكْمَامِ (١١) وَالْحَبُّ ذُو الْعَصْفِ وَالرَّيْحَانُ (١٢) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (١٣)

9. Dan tegakkanlah timbangan itu dengan adil dan janganlah kamu mengurangi timbangan itu. 10. Dan bumi telah dibentangkan-Nya untuk makhluk(-Nya). 11. Di dalamnya ada buah-buahan dan pohon kurma yang mempunyai kelopak mayang, 12. Dan biji-bijian yang berkulit dan bunga-bunga yang harum baunya. 13. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan?

### **Tadabbur Ayat**

Segala nikmat Allah dapat dirasai kenikmatannya kerana dicipta dan diberi secara berimbang, menurut keadilan Allah serta keperluan manusia. Tidak kurang dan tidak lebih, sesuai dengan kehendak, kebijaksanaan dan keadilan Allah s.w.t.

### **Aplikasi Ayat**

- ❖ **Pelihara bumi dengan mengelak pembaziran dan persengketaan.**
- ❖ **Ucapkan pujian kepada Allah dengan pengakuan bahawa tiada sebarang nikmat Allah yang kita dustakan.**

### **Firman Allah:**

خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَالٍ كَالْفَخَّارِ (١٤) وَخَلَقَ الْجَانَّ مِنْ مَارِجٍ مِنْ نَارٍ (١٥) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (١٦) رَبُّ الْمَشْرِقَيْنِ وَرَبُّ الْمَغْرِبَيْنِ (١٧) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (١٨)

14. Dia menciptakan manusia dari tanah kering seperti tembikar. 15. Dan Dia menciptakan jin dari nyalaan api yang menjulang-julang . 16. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 17. Tuhan (yang memelihara) dua timur dan Tuhan (yang memelihara) dua barat (ketika berlaku perubahan musim). 18. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan?

### **Tadabbur Ayat**

Tanda kekuasaan Allah s.w.t, manusia dan jin dicipta dari bahan asal yang berlainan. Walaupun berbeza dari sudut asal penciptaan, tanggungjawab mengabdikan diri dan mentaati dan menuruti perintah-Nya adalah sama. Kuasa Tuhan tidak mampu disangkal dan didustakan.

### **Aplikasi Ayat**

- ❖ **Perhatikan sejauh mana kita telah melakukan yang terbaik dalam hidup kita.**
- ❖ **Jangan berhenti dari berzikir memuji Allah.**

### **Firman Allah:**

مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْتَقِيَانِ (١٩) بَيْنَهُمَا بَرْزَخٌ لَا يَبْغِيَانِ (٢٠) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٢١) يُخْرِجُ مِنْهُمَا  
الطُّلُوتَ وَالْمَرْجَانَ (٢٢) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٢٣) وَلَهُ الْجَوَارِ الْمُنشَآتُ فِي الْبَحْرِ كَالْأَعْلَامِ (٢٤)  
فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٢٥)

19. Dia membiarkan dua laut mengalir yang (kemudian) keduanya bertemu. 20. Di antara keduanya ada batas yang tidak dilampaui oleh bahagian yang lain. 21. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 22. Dari keduanya keluar mutiara dan batu marjan. 23. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 24. Dan Dia lah yang menguasai kapal-kapal yang berlayar di lautan bagaikan gunung-ganang. 25. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan?

### **Tadabbur Ayat**

Kuasa Allah yang mencipta pelbagai ciptaan yang menakjubkan tanpa sebarang bantuan dari sesiapa pun. Ciptaan Allah terlalu banyak, ada yang dapat dilihat dengan mata kasar manusia, ada pula yang tersembunyi. Manusia tidak akan mampu mencipta dan menguruskan ciptaannya sepertimana Allah mencipta dan memelihara segala ciptaan-Nya kerana tiada kuasa yang dapat menandingi kuasa Allah dalam memelihara dan mentadbir urusan kehidupan. Rahmat Allah mencipta pelbagai bahan perhiasan yang bernilai untuk manusia bergembira dan berbahagia dengannya.

### **Aplikasi Ayat**

- ❖ **Hindari sifat sombong dan bangga diri serta banyakkkan puji-pujian kepada Allah dengan pengakuan bahawa tiada sebarang nikmat Allah yang kita dustakan.**



### **Firman Allah:**

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ (٢٦) وَيَبْقَى وَجْهَ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ (٢٧) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٢٨)  
يَسْأَلُهُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلَّ يَوْمٍ هُوَ فِي شَأْنٍ (٢٩) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٣٠) سَنَفْرُغُ  
لَكُمْ أَیُّهَا الثَّقَلَانِ (٣١) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٣٢)

26. Semua yang ada di bumi itu akan binasa. 27. Tetapi zat Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan tetap kekal. 28. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 29. Apa yang di langit dan di bumi selalu meminta kepada-Nya. Setiap waktu Dia dalam kesibukan (mengurus kebajikan makhluk-Nya). 30. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 31. Kami akan memperhatikan sepenuhnya kepadamu wahai (golongan) manusia dan jin. 32. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan?

### **Tadabbur Ayat**

Segala ciptaan yang indah dan mempesonakan di dunia ini bersifat sementara sahaja. Ia dijadikan sebagai ujian bagi manusia dan jin untuk dinilai siapakah yang lebih baik amalannya dan sentiasa menurut perintah Tuhan yang Maha Esa yang sentiasa memerhati dan mengetahui segala kelakuan hamba-hamba-Nya.

### **Aplikasi Ayat:**

- ❖ **Muhasabah diri untuk menilai sama ada amalan yang dilakukan selama ini bertepatan dengan ketetapan Allah.**
- ❖ **Ikhhlaskan niat dalam beramal serta turuti segala panduan Nabi s.a.w ketika beramal.**

### **Firman Allah:**

يَا مَعْشَرَ الْجِنَّ وَالْإِنْسِ إِنِ اسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَنْفُذُوا مِنْ أَقْطَارِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ فَانفُذُوا لَا تَنْفُذُونَ إِلَّا بِسُلْطَانٍ (٣٣) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٣٤) يُرْسَلُ عَلَيْكُمَا شُوَاظٌ مِنْ نَارٍ وَنُحَاسٌ فَلَا تَنْتَصِرَانِ (٣٥) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٣٦)

33. Wahai golongan jin dan manusia! Jika kamu mampu menembus (melintasi) penjuru langit dan bumi (untuk lari dari hukuman Allah), maka tembuslah, kamu tidak akan mampu menembusnya kecuali dengan kekuatan. 34. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 35. Kepada kamu (jin dan manusia), akan dikirim nyalaan api dan cairan tembaga (panas) sehingga kamu tidak dapat menyelamatkan diri (darinya). 36. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan?

### **Tadabbur Ayat**

Sehebat mana pun tanggapan manusia dan jin tentang kekuatan diri mereka, tiada siapa mampu untuk menandingi kuasa Allah. Apa sahaja yang manusia dan jin lakukan pasti tidak terlepas dari dipertanggungjawabkan di hadapan Allah s.w.t. Bagi mereka yang melanggar hukum Tuhan, hukumannya berat lagi membinasakan. Apabila sudah ditetapkan azab, tiada siapa yang dapat menyelamatkan diri dari azab Allah dengan cara apa sekalipun.

### **Aplikasi Ayat**

- ❖ **Jauhi sifat bangga diri dan sombong dengan kelebihan yang ada.**
- ❖ **Sentiasa meminta agar diselamatkan dari kemurkaan dan azab Allah s.w.t.**

### **Firman Allah:**

فَإِذَا انشَقَّتِ السَّمَاءُ فَكَانَتْ وَرْدَةً كَالدِّهَانِ (۳۷) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (۳۸) فَيَوْمَئِذٍ لَا يُسْأَلُ عَنْ ذَنْبِهِ إِنْسٌ وَلَا جَانٌّ (۳۹) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (۴۰) يُعْرِفُ الْمُجْرِمُونَ بِسِيمَاهُمْ فَيُؤْخَذُ بِالنَّوَاصِي وَالْأَقْدَامِ (۴۱) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (۴۲) هَذِهِ جَهَنَّمُ الَّتِي يُكَذِّبُ بِهَا الْمُجْرِمُونَ (۴۳) يَطُوفُونَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ حَمِيمٍ آتٍ (۴۴) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (۴۵)

37. Maka apabila langit telah terbelah (ketika kiamat) dan menjadi merah mawar seperti (kilauan) minyak. 38. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 39. Maka pada hari itu manusia dan jin tidak ditanya tentang dosanya. 40. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 41. Orang-orang yang berdosa itu diketahui dengan tanda-tandanya, lalu direnggut ubun-ubun dan kakinya. 42. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 43. Inilah neraka Jahannam yang didustakan oleh orang-orang yang berdosa. 44. Mereka berkeliling di sana dan di antara air yang mendidih. 45. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan?

### **Tadabbur Ayat**

Pada hari kiamat, manusia dan jin masing-masing membawa bekal sendiri untuk dihitung oleh Allah s.w.t. Tiada siapa pun akan menanggung dosa dan kesalahan pihak lain. Orang yang melakukan kezaliman dan kekejaman di dunia, akan mudah dikenali di akhirat sebagai tanda penghinaan ke atas mereka.

### **Aplikasi Ayat**

- ❖ **Bina peribadi yang mulia di dunia untuk dikenali kebaikannya di akhirat.**
- ❖ **Sentiasa berdoa agar Allah selamatkan kita dari azab-Nya di akhirat sana.**

### **Firman Allah:**

وَلِمَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ جَنَّاتٍ (٤٦) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٤٧) ذَوَاتَا أَفْنَانٍ (٤٨) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٤٩) فِيهِمَا عَيْنَانِ تَجْرِيَانِ (٥٠) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٥١) فِيهِمَا مِنْ كُلِّ فَاكِهَةٍ زَوْجَانِ (٥٢) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٥٣) مُتَكَبِّرِينَ عَلَى فُرُشٍ بَطَائِنُهَا مِنْ إِسْتَبْرَقٍ وَجَعَى الْجَنَّتَيْنِ دَانٍ (٥٤) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٥٥) فِيهِنَّ قَاصِرَاتُ الطَّرْفِ لَمْ يَطْمِثْهُنَّ إِنْسٌ قَبْلَهُمْ وَلَا جَانٌّ (٥٦) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٥٧) كَأَمْهَمَّ الْأَيُّوْتُ وَالْمَرْجَانُ (٥٨) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٥٩)

46. Dan bagi siapa yang takut apabila menghadap Tuhannya (kelak) diberi dua syurga. 47. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 48. Kedua syurga itu mempunyai aneka pepohonan dan buah-buahan. 49. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 50. Di dalam kedua syurga itu ada dua mata air yang memancar. 51. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 52. Di dalam kedua syurga itu terdapat aneka buah-buahan yang berpasang-pasangan. 53. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 54. Mereka bersandar di atas permadani yang bahagian dalamnya dari sutera tebal, dan buah-buahan di kedua syurga itu dapat (dipetik) dari dekat. 55. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 56. Di dalam syurga itu ada bidadari-bidadari yang menundukkan pandangan, yang tidak pernah disentuh oleh manusia mahupun jin sebelumnya. 57. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 58. Seakan-akan mereka itu permata *yaqut* dan *marjan*. 59. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan?

### **Tadabbur Ayat**

Rahmat Allah kepada golongan manusia yang sentiasa bertakwa kepada-Nya dan takut kepada azab-Nya dengan menyediakan balasan terindah untuk mereka. Rahmat Allah itu luas dan lumayan bagi mereka yang sentiasa melakukan ketaatan dan kebaikan. Apa pun gambaran yang terlintas di fikiran, nikmat syurga yang hakiki tidak akan terjangkau oleh fikiran manusia sama sekali.

### **Aplikasi Ayat**

❖ **Teruskan sabar dalam kebaikan dan ketaatan kerana ganjarannya terlalu mahal dan lumayan.**

**Trivia:**

**Tahukah anda apakah nama-nama syurga yang dimaksudkan di dalam ayat-ayat ini?**

Menurut sebahagian ahli tafsir, dua syurga tersebut adalah syurga 'Adn dan Na'im. Ada pula yang berpendapat ia syurga yang diperbuat dari emas dan perak. Manakala yang lain pula berpendapat syurga yang dikhaskan untuk ruang privasinya sendiri dan lagi satu pula untuk bersama para pelayannya.

Apa pun jua, bagi orang yang beriman dan patuh kepada perintah Allah serta takut untuk melakukan maksiat dan mungkar kerana takutkan azab Allah di akhirat kelak, Allah kurniakan kepadanya nikmat syurga yang berganda.

### **Firman Allah:**

هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَانِ إِلَّا الْإِحْسَانُ (٦٠) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٦١) وَمِنْ دُونِهِمَا جَنَّتَانِ (٦٢) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٦٣) مُدْهَامَتَانِ (٦٤) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٦٥) فِيهِمَا عَيْنَانِ نَضَّاخَتَانِ (٦٦) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٦٧) فِيهِمَا فَاكِهَةٌ وَنَخْلٌ وَرُمَّانٌ (٦٨) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٦٩) فِيهِنَّ خَيْرَاتٌ حِسَانٌ (٧٠) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٧١) حُورٌ مَّقْصُورَاتٌ فِي الْخِيَامِ (٧٢) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٧٣) لَمْ يَطْمِثْهُنَّ إِنْسٌ قَبْلَهُمْ وَلَا جَانٌّ (٧٤) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٧٥) مُتَّكِمِينَ عَلَى رُفُوفٍ حُضِرَ وَعَبَقْرِيُّ حِسَانٍ (٧٦) فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٧٧) تَبَارَكَ اسْمُ رَبِّكَ ذِي الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ (٧٨)

60. Tidak ada balasan untuk kebaikan selain kebaikan (pula). 61. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 62. Dan selain dari dua syurga itu ada dua syurga lagi (dari tingkatan yang berbeza). 63. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 64. Kedua syurga itu (kelihatan) hijau tua warnanya (kerana dipenuhi pohon-pohon yang menghijau). 65. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 66. Di dalam keduanya (syurga itu) ada dua buah mata air yang memancar. 67. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 68. Di dalam kedua syurga itu ada buah-buahan, kurma dan delima. 69. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 70. Di dalam syurga-syurga itu ada bidadari-bidadari yang baik-baik (akhlaknya) dan cantik wajahnya. 71. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 72. Bidadari-bidadari yang dipelihara di dalam khemah-khemah. 73. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 74. Mereka sebelumnya tidak pernah disentuh oleh manusia mahupun jin. 75. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 76. Mereka bersandar pada bantal-bantal yang hijau dan permadani-permadani yang indah. 77. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan? 78. Mahasuci nama Tuhanmu Pemilik Keagungan dan Kemuliaan.

## **Tadabbur Ayat**

Secara semulajadi dapat difahami bahawa perbuatan baik menghasilkan kesan dan balasan yang baik. Kebaikan yang manusia lakukan di dunia dengan keimanan, memberi jaminan balasan teristimewa di akhirat. Keberkatan hidup di dunia ini dan keselamatan di akhirat hanya diperolehi dengan sentiasa mendekati diri dengan Allah s.w.t.

## **Aplikasi Ayat**

❖ **Banyakkan amalan soleh dan sentiasa ingat kepada Allah kerana ia dapat membawa keberkatan hidup di dunia dan kejayaan di akhirat kelak.**

## **Trivia:**

**Adakah anda tahu mengapa diulang-ulang ayat “Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan?”**

Menurut ahli tafsir, pengulangan ayat-ayat tersebut adalah sebagai tanda kemukjizatan bahasa al-Quran yang hanya dapat difahami menerusi bahasa arab itu sendiri. Orang arab faham dan akur akan pengulangan ayat-ayat itu berfungsi sebagai pengukuh bagi jawapan dan respon kepada kedangkalan manusia terhadap kebenaran. Jika anda ingin meresapi keindahan bahasa al-Quran, anda perlu mempelajari bahasa arab.

### **Catitan Peribadi Dari Surah al-Rahman**

- Apakah pelajaran yang anda perolehi dari surah al-Rahman?
- Jika masih ada lagi yang belum difahami, sila catit dan senaraikan perkara-perkara yang anda ingin fahami dengan lebih lanjut.
- Cari jawapannya dengan merujuk kepada ahli tafsir di kalangan asatizah yang bertauliah.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ



# ***Terima Kasih***

HARAP ARTIKEL INI DAPAT MEMBERI  
MANFAAT KEPADA ANDA

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat,  
rezeki yang halal dan baik, serta amal yang diterima.



**TERIMA KASIH  
KERANA  
MENYUMBANG  
KEPADA PROJEK  
TAFSIR 30 JUZ INI.**

Sokongan anda amat dihargai

Follow us on:  darultafsir.ak

**DARUL TAFSIR AL-KHAIR**